

Dakwaan terlibat dalam pemberian tender depot peluru di Masjid Tanah

PM cabar Kit Siang buat aduan pada BPR

KUALA LUMPUR 10 Julai — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencabar Encik Lim Kit Siang supaya membuat aduan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) bahawa beliau terlibat dalam pemberian tender depot peluru di Masjid Tanah, Melaka.

Bagaimanapun, Encik Lim telah menolak cabaran Perdana Menteri itu dengan alasan Dato' Sri Dr. Mahathir sendiri patut

membuat laporan kepada BPR kerana masa skandal itu berlaku jawatan Menteri Pertahanan disandang oleh beliau sendiri.

Pertikaman lidah di antara Perdana Menteri dengan Encik Lim berlaku semasa Ketua Pembangkang itu sedang berucap membahaskan Rancangan Malaysia Keenam (RM6) di Dewan Rakyat petang ini.

Dalam ucapannya itu, Encik Lim mendakwa Menteri Besar

Kedah, Tan Sri Osman Aroff serta Abdullah Ang, keduanya pengarah dan pemegang saham Sri Kinabalu Sdn. Berhad telah diberikan kontrak sebanyak \$71 juta untuk membina depot peluru itu.

Tambahnya, skandal depot peluru itu berlaku semasa Dr. Mahathir menjadi Menteri Pertahanan.

Dato' Sri Dr. Mahathir kemudian bangun membuat ca-

baran supaya Encik Lim melaporkan perkara itu kepada BPR sambil menegaskan bahawa beliau sanggup membayar ganti rugi yang terpaksa ditanggung oleh pembayar cukai untuk memperbaiki depot peluru itu sekiranya beliau bersalah.

Dr. Mahathir selanjutnya berkata, "kalau saya menjadi Menteri Pertahanan tidak semestinya saya terlibat dengan rasuah atau dalam pemberian tender".

Menurut Encik Lim kemudiannya, beliau tidak mendakwa Perdana Menteri terlibat dengan rasuah tetapi Menteri Pertahanan sekarang, Dato' Sri Najib Tun Razak yang memberitahu semasa kejadian itu berlaku jawatan tersebut disandang oleh orang lain.

"Kalau Perdana Menteri mahukan penjelasan cari dia (Dato' Sri Najib)," ujarnya.